

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

**HKN 207 - Fiksyen dan Drama Melayu dan Indonesia Modern**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. SATU soalan dari tiap-tiap bahagian.

**Bahagian A:**

1. Kekuatan cerpen “Keras Hati” karya Keris Mas terletak pada plot dan sudut pandangan, manakala kekuatan cerpen “Dilarang Mencintai Bunga-Bunga” karya Kuntowijoyo terletak pada tema dan persoalannya. Bincangkan
2. Sejauhmanakah cerpen “Si Penggaru Kalbu” hasil pena S.M. Zakir berjaya mengungkapkan pemikiran tentang cinta abadi berbanding dengan cerpen “Setangkai Melati Di Sayap Jibril” nukilan Danarto?

**Bahagian B:**

3. “Hidup mati susah senang di tangan Allah.” Sejauhmanakah ungkapan itu menjadi pegangan hidup watak Lahuma dalam novel **Ranjau Sepanjang Jalan** karya Shahnon Ahmad. Berdasarkan alasan-alasan yang bernas, sekiranya anda menjadi Lahuma, adakah anda akan berpegang pada ungkapan itu?
4. Dalam karya sastera terdapat unsur “kecerekaan” dan “realiti”. Bincangkan pernyataan itu berdasarkan novel **Percikan** karya Zakaria Ali.

**Bahagian C:**

5. Huraikan aspek persoalan dan perwatakan dalam novel **Azab dan Sengsara** karya Merari Siregar sehingga membolehkan ia digelar novel air mata.
6. Sejauhmanakah unsur konflik menjadi tunjang untuk meletakkan **Kroco** karya Putu Wijaya sebagai sebuah novel yang berjaya?

**Bahagian D:**

7. Jebat biasanya dikaitkan dengan imej yang buruk atau jahat, manakala Jebat dalam **Matinya Seorang Pahlawan** telah diberi imej baru oleh pengarangnya, Usman Awang. Bincangkan pernyataan ini berdasarkan hujah-hujah yang bernalas.
8. Pergolakan dalam masyarakat berlaku kerana adanya manusia yang tidak jujur dan tidak bertanggungjawab. Sejauhmanakah benarnya pernyataan ini berdasarkan drama **Malam Jahanam** karya Motinggo Busye?

**- 000 0 000 -**